

PEMIKIRAN TASAWWUF BADI`UZZAMAN SA`ID NURSI DALAM DAKWAH

(*BADI`UZZAMAN SA`ID NURSI'S TASAWWUF THINKING IN PREACHING*)

Sharifah Norshah Bani Syed Bidin (Pengarang Penghubung)

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam

Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 UNISZA Kuala Terengganu, Terengganu, MALAYSIA

sharifahns@unisza.edu.my

Ahmed S.A. al-Qodsi

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam

Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 UNISZA Kuala Terengganu, Terengganu, MALAYSIA

ahmedalqodsi@unisza.edu.my

ABSTRAK

Allah SWT mengutuskan para Rasul untuk membimbing manusia ke jalanNya. Penyucian jiwa dan keluhuran ruh yang merupakan kunci utama tasawwuf amat diperlukan dalam kehidupan insan. Hal ini penting bagi membolehkan setiap insan mencapai keseimbangan jasadi dan ruhani, mengikut piawaian yang telah ditetapkan dalam al-Quran dan Hadith. Badi`uzzaman Sa`id Nursi adalah antara tokoh pendakwah dan pemikir yang berpandangan bahawa tasawwuf yang bertunjangkan penyucian jiwa dan keluhuran ruh merupakan pemungkin untuk membolehkan seseorang muslim mengenal Allah SWT Justeru, artikel ini bertujuan menganalisis pemikiran tasawwuf dalam dakwah Badi`uzzaman Sa`id Nursi daripada karya ulung beliau, *Rasa`il Nur*. Oleh itu, data primer kepada kajian ini adalah berdasarkan analisis kandungan *Rasa`il Nur*. Kajian menunjukkan bahawa keistimewaan yang wujud dalam dakwah Badi`uzzaman Sa`id Nursi adalah merupakan natijah daripada beberapa faktor yang turut menyumbang kepada pembinaan peribadi beliau. Selain itu, kajian juga menunjukkan bahawa wujudnya pemikiran tasawwuf dalam dakwah Badi`uzzaman Sa`id Nursi. Pemikiran ini terbina di atas asas-asas tasawwuf, iaitu *al-'ajz* (kelemahan), *al-faqr* (kefakiran), *al-syafaqah* (belas kasihan) dan *al-tafkir* (berfikir). Kurikulum sekolah dan institut pengajian tinggi kecuali dalam bidang khusus secara formal tidak mengandungi pengajaran pemikiran tasawwuf yang boleh membentuk sahsiah pelajar. Bagi menyokong pencapaian matlamat membentuk insan seimbang yang dihasratkan seperti dalam Falsafah Pendidikan Negara, kertas kerja ini memberi panduan permulaan bagi membolehkan pelajar dan pendidik mengeksplorasi, membaca, memahami pemikiran tawawuf melalui pembelajaran kendiri yang diperibadikan berdasarkan keperluan pembelajaran masing-masing dengan maklumat yang dikongsikan dalam penulisan ini.

Kata kunci: Pemikiran Tasawwuf; Dakwah Sa`id Nursi; Asas Tasawwuf dalam Dakwah

ABSTRACT

Allah SWT sent down His messengers to guide humankind on the straight path. The purification and grandeur of the soul is the essential for tasawwuf that is vital in one's life. This is important as it enables the balance of physical and spiritual beings according to al-Quran and hadith. Badi`uzzaman Sa`id Nursi is among the figure of preachers and thinker with great insight who view tasawwuf with strong, purified soul that enables a Muslim to know his God. Hence, this article aimed to analyse the tasawwuf thinking in Badi`uzzaman Sa`id Nursi preach in his masterpiece, *Rasa`il Nur*. Therefore, the primary data for this research is an analysis of *Rasa`il Nur*. This studies shows the specialities that exists in Badi`uzzaman Sa`id Nursi preach which contributes as factors in Nursi's personalities. Other than that, this research also found the occurrence of tasawwuf thinking in Badi`uzzaman Sa`id Nursi preach that is built based on basic tasawwuf which are *al-'ajz* (weakness), *al-faqr* (poverty), *al-syafaqah* (mercy) and *al-tafkir* (thinking). Formally, school's curriculum and higher education system except for special field, does not embedded tasawwuf thinking that helps nurture student's personality. To support the goal of creating a balanced human being as enshrined in the National Philosophy

To cite this document:

Bidin, S. S. N. B., & Al-Qodsi, A. S. A. (2020). Pemikiran tasawwuf badi`uzzaman sa`id nursi dalam dakwah. *Journal of Personalized Learning*, 3(1): 24-30.

of Education of Malaysia, this paper provides an introductory guide enabling students and educators to explore, read, and understand tasawwuf thinking through personalized learning based on their individual learning needs with information shared in this writing.

Keywords: Tasawwuf thinking; Sa`id Nursi preach; Basic Tasawwuf in preaching

PENDAHULUAN

Badi`uzzaman Sa`id Nursi telah menyaksikan beberapa perubahan utama yang tercatat dalam sejarah dunia Islam sepanjang pertengahan kurun kedua sehingga kurun ke-19 dan separuh pertama kurun ke-20. Ini kerana beliau hidup di zaman Daulah `Uthmaniyyah mulai lemah, dan menyaksikan hari-hari terakhir sistem khalifah dan serangan yang kejam ke atas undang-undang Islam. Serangan ini mulai kendur setelah munculnya gerakan kesedaran Islam di Turki yang dipelopori oleh Badiuzzaman Sa`id Nursi sebagai salah seorang pemimpin gerakan tersebut. Gelaran “Badi`uzzaman” adalah merupakan manifestasi kepada ketokohan dan usaha dakwah beliau yang menyeluruh dan memakan masa yang panjang. Hal ini terbukti dengan lahirnya karya agung beliau Risalah An-Nur yang dikarang bertujuan menyeru insan sezamannya supaya beriman kepada Allah serta menyelamatkan mereka daripada kegelapan ideologi sekularisme dan atheisme yang menjadi nadi pemerintahan Mustafa Kamal Ataturk, pemimpin Turki waktu itu.

Penelitian terhadap usaha dakwah Badi`uzzaman Sa`id Nursi melalui Risalah An-Nur menunjukkan bahawa beliau menitik beratkan aspek tasawwuf dan pendidikan jiwa berteraskan al-Quran dan Sunnah yang diperlukan oleh setiap insan dalam kehidupan. Artikel ini bertujuan menganalisis pemikiran tasawwuf dalam dakwah Badi`Uzzaman Sa`id Nursi daripada Rasa`il Nur. Perbahasan topik difokuskan kepada menyingkap latar kehidupan, hubungannya dengan tasawwuf dan asas-asas tasawwuf menurut Badi`uzzaman Sa`id Nursi.

LATAR KEHIDUPAN BADI`UZZAMAN SA`ID NURSI

Konsep kesepadan ilmu naqli dan akli dapat diperhatikan secara rambang dalam dua bentuk kesepadan. Konsep kesepadan pertama dinamakan sebagai ‘Kesepadan Ikatan’ dan konsep kesepadan kedua dinamakan ‘Kesepadan Adunan’. Sa`id Nursi dilahirkan pada tahun 1824H bersamaan 1877M di sebuah desa yang diberi nama Nurs, Talis yang terletak di Timur Anatolia, Turki. Berasal dari keluarga berbangsa Kurdi. Bapanya Said bin Mirza digelar sufi kerana kewarakhan dan ketaqwaannya. Ibunya, Nuriyah binti Mula Tahir juga terkenal dengan kesalihannya. Ibunya melazimi wudhu’ semasa menyusukan anak-anaknya (Nursi, 2000). Kecerdikan Sa`id Nursi sudah terserlah semenjak kecil lagi. Melalui hobi beliau yang suka membaca, mencari maklumat dan meneliti menjadikan beliau menonjol berbanding rakan-rakan seusianya. Sa`id Nursi suka menghadiri majlis ilmu yang diadakan oleh bapanya kepada orang-orang dewasa di rumahnya dan mengadakan perbincangan pelbagai topik dengan ulama di kampungnya.

Dalam usia yang muda sebegini beliau telah memberi perhatian kepada isu-isu falsafah dan pemikiran yang mendalam yang menyebabkan beliau meneliti dan berfikir (al-Salihi, 1987). Selain itu, kecerdikan Sa`id Nursi juga terserlah semasa di sekolah sehingga beliau digelar Tilmiz al-Syeikh. Ini menunjukkan bahawa beliau mempunyai kecenderungan yang kuat untuk menuntut ilmu semenjak awal usianya. Kecenderungan ini menjadi lebih kuat selepas beliau bermimpi tentang gesaan agar beliau menuntut ilmu dan mimpinya ini sentiasa dalam ingatannya sehingga ke akhir hayat. (Ali, 2006). Rentetan daripada itu, beliau meminta keizinan bapanya untuk ke Batlis pada tahun 1888M dan mendaftar di sekolah al-Syeikh Amin Afandi. Bagaimanapun, beliau hanya belajar seketika sahaja di sekolah ini kerana syeikh tidak ingin menerima belajar di situ atas faktor usianya yang masih terlalu muda. Seterusnya, Sa`id Nursi berpindah ke sekolah Mir Hasan Wali di Maks, kemudian ke sekolah di Kawash, Wan. Namun, kesemua sekolah ini tidak dapat memenuhi keinginannya yang sangat kuat dalam menuntut ilmu, kerana silibus yang diajar hanya terbatas kepada Nahu dan Saraf sahaja. Juga beliau tidak mendapat perhatian yang sewajarnya daripada guru-gurunya memandangkan beliau adalah pelajar peringkat sekolah rendah (Ali, 2006). Lembaran sejarah pendidikan Badi`uzzaman Sa`id Nursi sangat menakjubkan kerana beliau hanya menghabiskan masa yang singkat sahaja untuk berguru, malah selebihnya dihabiskan melalui pendidikan diperibadikan sendiri dengan mentelaah kitab-kitab yang sukar hingga beliau berupaya menghafaznya. Selain itu, beliau juga bergaul dengan para ulama’ hingga akhirnya berjaya meninggalkan karya agung beliau “Rasail Nur” yang memuatkan lebih daripada 130 risalah yang merupakan asas pemikiran dan dakwahnya.

Rasail Nur terbahagi kepada empat kumpulan utama, induknya dinamakan “al-Kalimat”, daripada induk ini lahirlah kumpulan risalah kedua yang dinamakan “al-Maktubat”, kemudian dipecahkan pula kepada kumpulan risalah ketiga yang dinamakan “al-Lama’at” dan akhir sekali kumpulan risalah keempat yang dinamakan “al-Syi’aat” yang merupakan pecahan daripada kumpulan risalah sebelumnya. Selain itu, kumpulan-kumpulan risalah ini disertakan pula dengan tiga lampiran yang dinamakan Mulhaq Barila, Mulhaq Qastamuni dan Mulhaq Amirdagh. Ia adalah merupakan risalah panduan kepada murid-murid al-nur tentang uslub berkhidmat kepada al-Quran, fiqh dakwah, dan isu-isu semasa yang mereka hadapi. Setelah memberikan sumbangan yang besar kepada masyarakat Islam Turki, maka pada 23 Mac 1960, Badi’uzzaman Sa’id Nursi kembali ke rahmatullah dengan meninggalkan harta berharga buat umat Islam, iaitu Risalah An-Nur yang dibaca, dikaji dan dipelajari oleh umat Islam seluruh dunia.

TASAWWUF DI ZAMAN DAULAH UTHMANIYYAH

Hubungan di antara Daulah `Uthmaniyyah dan tasawwuf adalah merupakan hubungan yang telah utuh sekian lama. Ini kerana daulah uthmaniyyah terbina dalam suasana yang dipenuhi oleh tarbiah sufi maka, berlakulah perkembangan tarikat-tarikat Sufi ke seluruh Anatolia terutamanya selepas syeikh-syeikh tarikat sufi dan murid-murid mereka turut serta mempertahankan penduduk dalam perperangan dengan Tartar. Keadaan inilah yang memberikan kesan yang mendalam kepada masyarakat awam yang menjadikan mereka merasakan bahawa tidak ada erti nyata kehidupan ini melainkan jika mereka menyertai salah satu tarikat sufi dan mengikat diri dengannya lebih dekat (Şabān, 2004).

Ekoran daripada itu, setiap kumpulan mempunyai satu halaqah atau beberapa halaqah yang mempunyai hubungan dengan salah satu tarikat yang besar, seterusnya berkembanglah *zawiyyah* (pusat pengajian agama secara tradisional) dan *takiyah* (makanan percuma untuk pelajar-pelajar dan golongan fakir miskin) ke seluruh pelosok Anatolia. Bahkan tarikat-tarikat sufi ini berjasa dalam menyebarkan Islam apabila sebahagian daripada mereka berhijrah ke Eropah. Meskipun hanya dalam tempoh yang singkat sebahagian bangsa Eropah memeluk Islam hasil dakwah golongan tarikat sufi ini. Oleh kerana bilangan murid tarikat sufi ini terdiri daripada segenap lapisan masyarakat terutamanya golongan kaya dan berpengaruh dalam negara, maka syeikh-syeikh tarikat sufi menjadi golongan yang dihormati dalam masyarakat, sehingga kerajaan Turki telah meminta pertolongan kepada mereka agar membantu kerajaan dan menyokong mereka untuk menghapuskan fitnah (Şabān, 2004) atau menghapuskan golongan penentang. Antara contoh yang menunjukkan kuatnya pengaruh golongan sufi ini, sehingga kerajaan Turki telah menubuhan pasukan tentera yang dianggotai oleh sebilangan pengikut tarikat sufi. Pasukan tentera ini telah menyertai secara aktif dalam Perang Dunia Pertama dan Perang Pembebasan Turki.

Walau bagaimanapun, tarikat-tarikat sufi di zaman Daulah `Uthmaniyyah terdiri daripada beberapa aliran yang dicorakkan oleh syeikh tarikat masing-masing, juga golongan yang menentang mereka (Şabān, 2004). Tasawwuf di zaman Daulah `Uthmaniyyah telah berkembang sehingga menjadi satu faktor yang boleh mempengaruhi masyarakat. Oleh itu, kerajaan Daulah `Uthmaniyyah telah mengambil sikap memberi perhatian sepenuhnya kepada golongan tarikat sufi sehingga mereka menyokong kerajaan Turki sepenuhnya dari aspek politik dalam dan luar secara rasmi dan berterus terang. Tarikat sufi ini kemudiannya dihapuskan pada zaman kerajaan sekular Turki dan menjadikan fungsi tarikat sufi menjadi tidak penting bahkan kadang-kadang tidak dipedulikan langsung. Tetapi, situasi ini tidak menghalang sebahagian daripada kumpulan tarikat-tarikat sufi untuk menjalankan gerakan menentang Artatuk dan undang-undang yang dibuat olehnya yang menentang agama Islam. Badi’uzzaman Sa’id Nursi hidup pada zaman di mana tasawwuf dan sufi berkembang kerana pengaruh keduanya sangat besar dan menguasai keadaan pada waktu itu. Kesemuanya ini meninggalkan kesan yang mendalam dalam membentuk peribadi Badi’uzzaman Sa’id Nursi dan karyanya Risalah An-Nur yang berkembang di Turki bagi mengembangkan seruan kepada beriman dan mengenal Allah.

HUBUNGAN BADI’UZZAMAN SAÍD NURSI DENGAN TASAWWUF

Sesetengah orang menyangka bahawa Bad’uzzaman Sa’id Nursi adalah seorang sufi atau syeikh tarikat, dan kadang-kadang seolah-olah terdapat bukti yang dapat membuktikan anggapan ini. Tetapi pembacaan yang teliti terhadap Risalah An-Nur dapat menyingkap anggapan ini perlu diteliti semula. Tambahan pula, Sa’id Nursi pernah menafikan dirinya seorang sufi melalui katanya: Aku bukanlah syeikh tarikat sufi tetapi aku adalah seorang yang alim dalam agama, zaman ini bukanlah zaman tarikat (al-Salihi, 2000d) tetapi zaman ini adalah zaman untuk menyelamatkan iman (al-Salihi, 2000g).

Sekalipun Badi'uzzaman Sa'id Nursi menafikan dirinya sufi (al-Salihi, 2000f; al-Salihi, 2000g; al-Salihi, 2000h), tetapi sekiranya dilihat kepada latar kehidupan beliau dan Risalah An-Nur secara terperinci akan tersingkap kewujudan cetusan sufi dalam peribadi Badi'uzzaman Sa'id Nursi. Aspek ini dibuktikan melalui karya Risalah An-Nur yang menyentuh perbincangan yang menggabungkan antara hati dan akal, selain itu beliau juga menggunakan istilah-istilah yang biasanya hanya dikenali dalam kalangan sufi. Terdapat tiga faktor yang mempengaruhi pembentukan peribadinya, iaitu pembinaan diri Badi'uzzaman Sa'id Nursi, suasana keluarganya yang mementingkan ilmu, dan suasana masyarakat di zamannya. Semua perkara ini menjadikan peribadi beliau terhimpun di antara tegas serta agresif dan lemah-lembut serta belas kasihan. Suasana keluarganya juga cukup memberi pengaruh di mana bapanya seorang yang warak dan zuhud, manakala abangnya pula merupakan salah seorang ahli tarikat sufi (al-Salihi, 2000g), suasana masyarakat juga turut menimbulkan minatnya terhadap tarikat sufi.

Badi'uzzaman Sa'id Nursi juga telah memulakan kehidupannya dengan cara zuhud dan bersederhana dan kedaan itu berterusan sehingga beliau meninggal dunia. Oleh itu, tidak hairanlah kata-kata beliau yang menyebut tentang waktu remajanya: Ketika usiaku 20 tahun aku selalu mengulang-ulang: Aku akan berkhawatir di dalam gua sendirian jauh dari kehidupan masyarakat sebagaimana para zahid menyendiri di bukit-bukit, demikian juga aku mengambil keputusan ketika aku ditawan (al-Salihi, 2000h). Tempoh penawanannya selama dua (2) tahun semasa Perang Dunia I yang diekor dengan peristiwa-peristiwa kejam yang dilakukan terhadap individu dan daulah 'uthmaniyyah dan dunia Islam keseluruhannya. Hal ini memberi kesan yang besar dalam kehidupan Badi'uzzaman Sa'id Nursi, perkara ini digambarkan dengan begitu baik sekali oleh Badi'uzzaman Sa'id Nursi dalam risalah (al-Suyukh), di mana beliau menjelaskan bahawa suasana itu menyebabkan kekalahan jiwa yang besar dalam hidup Badi'uzzaman Sa'id Nursi (al-Salihi, 2000f). Badi'uzzaman Sa'id Nursi juga menganggap Imam al-Ghazali sebagai guru dan contoh teladannya. Ini adalah kerana Imam al-Ghazali tidak hanya membataskan kepada manhaj sufi yang berdasarkan zauq dan pelatihan jiwa. Lebih daripada itu beliau menganggap bahawa sufi adalah satu manhaj yang ada kekurangan yang tidak dapat memenuhi keperluan masyarakat di zamannya, yang merupakan zaman pertarungan dan terdedah kepada falsafah materialistik yang menentang agama.

Oleh sebab itu, Badi'uzzaman Sa'id Nursi telah menggunakan cara yang bersandarkan kepada manhaj al-Quran. Memang benar bahawa Badi'uzzaman Sa'id Nursi mengagumi Imam al-Ghazali dan seumpamanya. Tetapi ia melihat bahawa suasana zamannya menjadikan tasawwuf tidak mampu untuk menghadapi kederasan arus pemikiran yang menimbulkan keraguan kepada Islam, kerana tasawwuf adalah berdasarkan pengalaman peribadi seseorang individu dalam memahami hakikat, dan ia tidak berdasarkan kepada dalil-dalil logika dan bukti-bukti saintifik yang merupakan tuntutan pada zaman itu. Badi'uzzaman Sa'id Nursi berpandangan bahawa selagi mana puncak tasawwuf itu mesti dibina di atas i'tikad yang sahih terhadap hakikat iman dan amal yang sempurna terhadap segala kefardhuan. Tujuannya adalah berkhidmat dalam melaksanakan hakikat ini secara langsung juga berkhidmat untuk agama dan sunnah nabawi, juga berusaha untuk menghapuskan penyakit-penyakit hati. Badi'uzzaman Sa'id Nursi berkeyakinan bahawa kalaular qutb-qutb sufi hidup di zamannya nescaya mereka akan mengorbankan seluruh tenaga untuk menguatkan hakikat keimanan dan akidah Islamiyyah kerana keduanya adalah merupakan sumber kebahagiaan yang abadi. Memang benar, tidak mungkin kita dapat ke syurga tanpa iman tetapi ramai orang yang akan masuk syurga tanpa tasawwuf. Manusia tidak mungkin akan dapat hidup tanpa roti, tetapi mereka boleh hidup tanpa buah-buahan, tasawwuf itu umpama buah, dan hakikat Islam itulah rotinya (al-Salihi, 2000a).

MANHAJ BADI'UZZAMAN SA'ID NURSI DAN KEISTIMEWAANNYA BERBANDING TARIKAT

Badi'uzzaman Sa'id Nursi telah menegaskan bahawa tasawwuf tidak dapat menghalang aliran-aliran pemikiran yang menentang agama, dengan membuat perbandingan di antara cara Risalah An-Nur dan cara tarikat sufi dengan menjelaskan kekurangan dan kelemahan cara tarikat sufi, di samping menjelaskan bahawa cara Risalah An-Nur tidak mementingkan kasyaf, karamah yang dijadikan sebagai perkara utama bagi sebahagian pengikut tarikat sufi tetapi membataskan tugas Risalah An-Nur dalam menyebarkan cahaya iman dan menyelamatkan iman golongan mukmin (al-Salihi, 2000a). Bahkan Sa'id Nursi menegaskan bahawa penuntut yang sebenar adalah yang mengutamakan berkhidmat untuk menyelamatkan iman itu, ujar beliau: sehingga apabila mereka di kurniakan martabat al-Qutub pun mereka masih mengutamakan khidmat untuk menyelamatkan iman demi menjaga ikhlas (al-Salihi, 2000a). Manhaj Risalah An-Nur tidak mensyaratkan zauq dan karamah yang sementara sebagaimana yang disyaratkan oleh tarikat-tarikat sufi yang lain.

Badi'uzzaman Sa'id Nursi menjelaskan terdapat banyak hikmah di sebaliknya, antara yang terpenting adalah i) rahsia ikhlas, kerana zauq dan karamah ini hanya bersifat sementara di dunia sahaja yang menjadi tujuan utama bagi orang yang tidak mampu untuk mengawal diri mereka dan membiasakannya dengan ikhlas, maka rosaklah keikhlasan, ii) karamah dan kasyaf adalah merupakan rasa percaya dalam diri orang awam yang terlibat dengan tarikat sufi. Oleh kerana Risalah An-Nur dapat memupuk iman yang sebenar maka ia tidak lagi perlu kepada karamah seumpama ini. Hikmah seterusnya iaitu iii) manhaj Risalah An-Nur tidak difokuskan kepada kepentingan individu, tetapi ia lebih difokuskan kepada tujuan menyampaikan ilmu Islam dan menyebarkan hakikat keimanan kepada masyarakat. Berbeza dengan sebahagian ahli tarikat sufi yang mendakwa mempunyai karamah dan kasyaf kadang-kadang mempunyai unsur-unsur hasad dan persaingan sesama mereka, terutamanya pada zaman ini di mana sikap mementingkan diri sendiri amat berleluasa dan iv) penuntut Rasa'il Nur tidak berusaha untuk mendapatkan zauq dan kasyaf di dunia kerana keduanya akan binasa. Kenikmatan yang hakiki itu ialah di akhirat yang kekal abadi (al-Salihi, 2000a).

Selanjutnya, dalam *Lama`at* Badi'uzzaman Sa'id Nursi juga menegaskan bahawa manhaj beliau adalah berbeza dengan tarikat sufi sebagaimana ujar beliau: Terdapat beberapa istilah yang sering digunakan dalam kalangan ahli sufi, seperti al-fana' fi syeikh, al-fana' fi al-rasul, dan aku bukanlah seorang sufi" (al-Salihi, 2000h). Badi'uzzaman Ssa'id Nursi menjelaskan tentang manhaj penuntut Rasa'il Nur dengan berkata: tetapi *al-fana' fi ikhwani* (berusaha bersungguh-sungguh untuk membantu saudara seislam) adalah sesuatu yang sangat cantik yang bersesuaian dengan manhaj kami. Ia bermaksud setiap individu melupakan kepentingan peribadinya, serta memikirkan kelebihan saudara seIslamnya, iaitu asas manhaj kami adalah ukhuwwah fillah dan hubungan yang mengikat antara kami adalah persaudaraan yang sebenar bukan sepertimana hubungan bapa dan anak, juga bukan seperti hubungan syeikh dan murid, cuma hubungan yang semestinya wujud adalah semata-mata hubungan ustaz dengan murid (al-Salihi, 2000g). Badi'uzzaman Sa'id Nursi juga memberi peringatan kepada murid-muridnya agar sentiasa merasakan mereka berada di martabat penuntut ilmu dan *khadim al-Quran*. Hal ini perlu agar mereka dapat mengelakkan diri dari sikap mementingkan diri sendiri, tipu daya, mencintai diri sendiri dan sentiasa mencari peluang untuk mencapai kedudukan yang boleh membawa kemasyhuran (al-Salihi, 2000g).

Badi'uzzaman Sa'id Nursi juga amat mementingkan isu-isu semasa, beliau telah mengkaji istilah: *tasawwuf*, *tarikat*, *wilayah*, *al-sayr*, *al-suluk*, iaitu istilah yang berleluasa dalam masyarakatnya ketika itu. Tetapi beliau membahaskannya dari perspektif syariah, dan aspek yang boleh memberi sumbangan kepada Islam. Dunia adalah tempat untuk beramal bukanlah tempat menerima balasan. Oleh itu, janganlah kamu meminta kenikmatan dunia dan jangan kerana tujuan mendapatkan karamah, tetapi wajib beriltizam dengan syariah kerana hakikat dan tarikat adalah dua wasilah abadi yang boleh digunakan untuk berkhidmat kepada agama, juga sebagai mukaddimah ke arah tersebut (al-Salihi, 2000d). Badi'uzzaman Sa'id Nursi juga mempertahankan tarikat dengan menjelaskan bahawa tidak harus menggadaikan tarikat kerana keburukan yang dilakukan oleh aliran-aliran yang mendakwa sebagai tarikat sedangkan ia terkeluar dari ketaqwaaan dan ajaran Islam (al-Salihi, 2000c). Selain itu, beliau menegaskan bahawa adab-adab yang digariskan oleh syarak adalah merupakan buah kepada wahyu yang paling tinggi daripada adab tarikat yang bersandarkan kepada ilham. Beliau mengatakan asas tarikat yang paling utama ialah mengikut sunnah nabi (al-Salihi, 2000b). Seterusnya beliau menambah: orang-orang yang mengikut sunnah nabi adalah merupakan wali yang utama, ia adalah jalan pewaris nabi dalam kalangan sahabat dan salafussoleh (al-Salihi, 2000a).

ASAS-ASAS TASAWWUF DALAM DAKWAH BADI'UZZAMAN SA'ID NURSI

Daripada manhaj dakwah Badi'uzzaman Sa'id Nursi jelas menunjukkan bahawa beliau berpegang kepada asas-asas yang kukuh dalam tasawwuf untuk menyucikan jiwa manusia, iaitu: *al-'ajz* (الاجز), *al-faqr* (الفقر), *al-shafaqah* (الشفقة) dan *al-tafkir* (التفكير). Sa'id Nursi mengungkapkan pendidikan jiwa dengan tasawwuf, ini kerana beliau telah mengambil berat berkaitan perkara ini semenjak beliau kecil. Ihsan al-salihi menceritakan mengenainya dengan berkata: Sesungguhnya Nursi sangat mengambil berat dalam penyucian jiwynya, dia mempunyai kemampuan yang utuh dalam muhasabah diri dan mujahadah seterusnya melaksanakan kehendak jiwynya (al-Salihi, 1987).

Justeru, jelas bahawa konsep tasawwuf menurut Said Nursi dimanifestasikan dalam perjalanan seseorang menuju Allah SWT yang merupakan sumber segala penyucian dan pendidikan jiwa dengan berpandukan kepada manhaj al-Quran dan Sunnah Nabi. Inilah yang dinamakan sebagai tasawwuf sunni yang telah diamalkan oleh Rasulullah SAW dan para sahabat Baginda.

Tasawwuf ini dibangunkan di atas asas iktikad yang benar terhadap hakikat keimanan kepada Allah dan beramal dengan segala yang difardhukan. Tujuannya adalah beriman secara langsung kepada Allah dan berusaha untuk menghapuskan penyakit hati. Secara ringkasnya, penjelasan tentang keempat-empat asas tasawwuf dalam dakwah Sa`id Nursi adalah sebagaimana berikut:

Al-`Ajz (Kelemahan)

Menurut Sa`id Nursi *al-`ajz* bermaksud: menzhirkan kelemahan kesemuanya di hadapan Allah SWT, bukan menzhirkannya di hadapan manusia. Allah telah meletakkan secara fitrah dalam diri manusia rasa lemah dan perlu kepada Allah yang sangat besar (al-Salihi, 2000c). Lebih daripada itu, seorang manusia itu hendaklah menampakkan bahawa ada kekuatan di sebalik kelemahan, sehingga mereka berserah sepenuhnya hanya kepada Allah SWT *al-Ajz* juga adalah merupakan jalan yang paling singkat untuk seseorang mendekatkan diri kepada Allah SWT (al-Salihi, 2000d). Sa`id Nursi menyebutkan contoh *al-`Ajz* yang dimaksudkannya dengan menjelaskan kepentingan solat dan dimensi jiwa dan pendalilan lafadz dan makna yang dirasai oleh setiap hamba. Iaitu solat itu dimulakan dengan Allah Akbar hingga diakhiri dengan selawat ibrahimiyyah beserta tasbih dan zikir.

Oleh itu menurut beliau: Solat adalah merupakan alat yang menghubungkan di antara manusia dengan penciptanya, wahai manusia jadikanlah selawat kepada Rasulullah SAW itu sebagai wasilah untuk sampai kepadaNya, kemudian berpegang teguhlah kamu dengannya supaya kamu dapat menggapai rahmat Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Melalui doa dan selawat ke atas junjungan Rasulullah SAW umat Islam keseluruhannya akan dapat mengetahui dengan thabit betapa besarnya nilai rahmat dan betapa berharganya hadiah Allah SWT ini, juga betapa luas dan agungnya ia (al-Salihi, 2000a). Beliau juga menjelaskan seluruh makna `ubudiyyah yang termasuk di dalamnya solat yang terdiri daripada zikir, doa, tasbih, khusyuk, *khudu`* dan *inabah* (al-Salihi, 2000h). Beliau juga menjelaskan bagaimana solat seorang mukmin itu boleh meningkat sehingga maqam yang tinggi dan melahirkan sifat-sifat terpuji yang lain seperti cinta, kasih, syukur, takwa dan yakin.

Dalam menjelaskan dimensi jiwa terhadap solat beliau berkata: Solat itu merupakan mi`raj seorang muslim sebanyak lima kali sehari semalam telah menjadi tempat curahan segala zauq manusia, dengan tertawannya pemikiran, jiwa dan badan (hanya kepada Allah) (al-Salihi, 2000a). Solat itu sendiri juga adalah merupakan kerehatan yang paling besar bagi ruh, hati dan akal sekaligus (al-Salihi, 2000b). Oleh itu, *al-`ajz* itu merupakan kunci kepada perlakuan solat dalam kehidupan dan jiwa mukmin, juga sebagai pendorong yang penting bagi manusia untuk menyuburkan keimanan, menyucikan jiwa dan mengangkat rohnya ke tingkat yang paling tinggi dari tingkatan ubudiyyah.

Al-Faqr (Kefakiran)

Al-Faqr menurut pemahaman Sa`id Nursi adalah menzhirkan kefakiran di hadapan Allah bukan di hadapan manusia, iaitu rasa perlu dan kebergantungannya kepada Allah SWT. Dari sini, manusia akan merasakan dirinya serba kekurangan selamanya, juga lemah dan faqir selamanya (al-Salihi, 2000d). Sa`id Nursi juga berpandangan bahawa tugas manusia yang sebenar adalah berdoa, tunduk patuh, memohon pertolongan Allah dan mengharapkan kepadaNya dengan menzhirkan sifat lemah dan faqir kepada Allah yang memakbulkan segala hajat. Ini bererti fungsi asas ialah menggunakan sayap *al-ajz* dan *al-faqr* untuk terbang ke maqam ubudiyyah yang tinggi (al-Salihi, 2000d).

Al-Syafaqah (Belas Kasihan)

Al-Syafaqah menurut Sa`id Nursi adalah *al-syafaqah al-imaniyyah* (al-Salihi, 2000e). Iaitu jalan rahmat yang menyampaikan seseorang kepada Allah dengan cara yang paling singkat dan paling mudah. Dari perspektif ini akan lahir sifat-sifat belas ihsan dan kasih sayang kepada makhluk Allah. Kata Sa`id Nursi: Setiap kali bertambahnya rasa belas ihsan maka akan lapanglah jiwa dan akan mendorong untuk memperbanyak kebaikan dan berkhidmat kepada sesama manusia, juga mendorong untuk tolong menolong dan kenal-mengenal (al-Salihi, 2000f).

Ujar beliau lagi: contoh yang paling jelas untuk menyatakan sifat belas ihsan dan rahmat sesama manusia ialah yang dinyatakan di dalam al-Quran sebagai (rahmatan lil alamin), iaitu Rasulullah SAW satu-satunya cara untuk sampai kepada sifat ini adalah dengan mengikut sunnah Rasulullah SAW. Sa`id Nursi menyebut bahawa cara yang boleh menyampaikan kepada Rasulullah SAW adalah melalui selawat, dan selawat itulah rahmat (al-Salihi, 2000c). Sa`id Nursi telah menjadikan sifat belas ihsan menjadi seolah-olah perlembagaan yang penting dalam kehidupannya dan asas *manhaj* penulisannya dalam Risalah An-Nur (al-Salihi, 2000c). Di antara manifestasi *al-syafaqah* yang dinyatakan dalam Risalah An-Nur adalah seperti i) ibubapa adalah

makhluk pertama yang layak untuk mendapat belas ihsan (al-Salihi, 2000a; al-Salihi, 2000g) dan ii) belas ihsan orang kaya kepada orang miskin pada bulan ramadhan (al-Salihi, 2000a).

Al-Tafkir (Berfikir dan Merenung)

Al-Tafkir adalah merupakan asas tasawwuf yang paling penting dalam manhaj dakwah Sa`id Nursi yang jelas dalam Risalah An-Nur. *Al-tafkir* adalah merupakan keistimewaan yang paling utama yang membentuk kehidupan Sa`id Nursi keseluruhannya. Beliau berdasarkan kepada panduan al-Quran yang menyeru supaya berfikir dan meneliti. *Al-Tafkir* menurut Sa`id Nursi adalah mencari rahsia. Beliau mengungkapkannya dengan istilah *al-tafkir al-imani al-musil ila ma`rifah Allah* (berfikir dengan keimanan yang boleh menyampaikan kepada mengenal Allah). Bagi membolehkan beliau merangsang proses berfikir dengan keimanan, Sa`id Nursi sentiasa memerhatikan alam sekeliling, dan beliau mengajar muridnya bagaimana berfikir tentang makhluk Allah. Murid-murid beliau menerima ilmu yang mengajar mereka meningkatkan keimanan melalui tadabbur selari dengan kaedah “membaca kitab alam yang terbuka,” (al-Salihi, 1987).

PENUTUP

Kesimpulannya, pemikiran tasawwuf Badi`uzzaman Sa`id Nursi dalam dakwah boleh dirumuskan di mana pemikiran tasawwuf Badi`uzzaman Said Nursi adalah dibentuk oleh tiga faktor, iaitu pembinaan jiwynya, situasi keluarga dan situasi masyarakat di Turki di zamannya. Di dalam Risalah An-Nur jelas menunjukkan wujudnya pendidikan sufi kejiwaan secara khususnya kepada pengikut-pengikutnya dan juga kepada semua umat Islam, amnya. Ini bererti pendidikan sufi ini menjadi asas utama dalam dakwah Badi`uzzaman Sa`id Nursi, lebih-lebih lagi beliau hidup dalam suasana masyarakat sekular yang membuat serangan ke atas Islam dari segenap sudut selepas kejatuhan Daulah `Uthmaniyyah di Turki.

Selain itu, pendidikan sufi yang terdapat dalam manhaj dakwah Badi`uzzaman Sa`id Nursi adalah ilmu yang dipetik dari limpahan pengajaran daripada al-Quran, juga sebagai jalan pintas untuk mengenal Allah SWT. *Al-Ajz* akan sampai kepada ‘kekasihnya’ melalui ibadah, begitu juga dengan *al-Faqr* akan mengenal sifat al-Rahman Allah. *Al-syafaqah* akan membolehkan hamba mengenal sifat ar-Rahim Allah SWT. *Al-Tafkir* akan membawa hamba mengenal Allah al-Hakim. Kesemua hasil ini dicerminkan sekiranya sesorang mengikut sunnah Nabi dan mengamalkan segala kefardhuan yang diwajibkan.

Rujukan

- Ali, O. M. (2006). *Sa`id al-Nursi Rajul al-Qadr fi Hayat Ummah*. Kaherah: Sharikah Souzlar.
- Anonymous. (1972). *Al-Mausu`ah Al-Muyassarah Fi Al-Adyan Wa Al-Madhahib Al-Mu`asirah*. Riyadh: Al-Nadwah Al-Alamiyyah Li Shabab Al-Islami
- Badawi, A. A. (2008). *Tarikh al-Tasawwuf al-Islami*. Mesir.
- al-Nu`aimi, A. (1993). *al-Harakat al-Islamiyyah al-Hadithah fi Turkiya*. Amman: Dar al-Basyir.
- Nursi, S. (2000). *مجموعۃ اللمعات من کلیات رسائل النور*. Bayrut: Dar al-Afaq al-Jadidah.
- al-Salihi, I. (1987). *Badi`uzzaman Sa`id Nursi Nazrah `Ammah*. Istanbul: Dar Sozlar.
- al-Salihi, I. (trans). (2000a). *Rasail al-Nur. al-Kalimat*. Mesir: Dar al-Nasr. Cet.3.
- al-Salihi, I. (trans). (2000b). *Rasail al-Nur. al-Lama`at*. Mesir: Dar al-Nasr. Cet.3.
- al-Salihi, I. (trans). (2000c). *Rasail al-Nur. al-Mathnawi al-`Arabi*. Mesir: Dar al-Nasr. Cet.3.
- al-Salihi, I. (trans). (2000d). *Rasail al-Nur. al-Malahiq fi Fiqh Da`wah al-Nur*. Mesir: Dar al-Nasr. Cet.3.
- al-Salihi, I. (trans). (2000e). *Rasail al-Nur. al-Syi`aat*. Mesir: Dar al-Nasr. Cet.3.
- al-Salihi, I. (trans). (2000f). *Rasail al-Nur. Isyarat al-Ijaz*. Mesir: Dar al-Nasr. Cet.3.
- al-Salihi, I. (trans). (2000g). *Rasail al-Nur. Saiqal al-Islam*. Mesir: Dar al-Nasr. Cet.3.
- al-Salihi, I. (trans). (2000h). *Rasail al-Nur. Sirah Dhatiyyah*. Mesir: Dar al-Nasr. Cet.3.
- Şabān, S. (2004). *Murāsalāt al-Bāb al-`Ālī ilā wilāyat al-Hiğāz*. Ar-Riyād: Mu·assasat al-Furqān.
- Sultan, A. (n.d.). *Tarikh al-Dawlah al-`Uthmaniyyah*. Beirut: Maktabah Tarablas.